

Purata umur petani di Malaysia kini sekitar 60-an

Kuala Lumpur: Kebergantungan negara terhadap lebih separuh golongan petani yang memasuki usia 60 tahun ke atas perlu ditangani segera.

Pensyarah Jabatan Teknologi Pertanian, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Norida Mazlan berkata, peluang perlu dibuka dan dipermudahkan untuk laluan golongan muda menceburi sektor pertanian demi kelangsungan sekuriti makanan negara.

Norida berkata, dapatan Laporan Banci Pertanian 2024 Jabatan Perangkaan (DOSM) itu sama dengan hasil kajian beliau yang mendapati purata umur petani di Malaysia kini sekitar 60-an ke atas.

"Perubahan landskap sektor pertanian memerlukan inisiatif baharu yang lebih praktikal, moden dan mesra golongan muda supaya mereka melihat pertanian sebagai bidang kerjaya berdaya saing, bukan pekerjaan tradisional yang memenatkan.

"Penggunaan teknologi moden seperti automasi dan dron dalam pertanian semakin meluas. Contohnya di jelapang padi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut.

"Di IADA Barat Laut, ramai pemuda tempatan terabit perkhidmatan ap-

likasi input pertanian menggunakan dron, malah kini ia dilaksanakan pada waktu lewat petang hingga awal malam untuk meningkatkan keberkesanan," katanya, semalam.

Selain itu, katanya, Program Agropreneur yang sudah wujud perlu diperluaskan dengan promosi lebih agresif termasuk pendedahan melalui video kejayaan usahawan tani, bagi menarik minat belia dan mengubah persepsi ibu bapa bahawa pertanian adalah perniagaan menguntungkan.

"Ibu bapa pengaruh utama anak. Mereka perlu diberi kefahaman teknologi terkini memudahkan pengurusan tanaman dan ternakan, sekali gus membuka peluang pendapatan lumayan," katanya.

Beliau menegaskan kerajaan perlu mempermudah prosedur latihan, permohonan tanah, pembentangan dan maklumat pasaran kepada golongan muda selain mengurangkan kerenah birokrasi yang boleh melemahkan semangat menyertai program pertanian.

"Ramai agropreneur mampu menghasilkan hasil pertanian berkualiti, tetapi bergantung pada orang tengah hingga harga jualan diperoleh jauh lebih rendah daripada potensi sebenar. Pemasaran terus kepada pengguna perlu dijadikan," katanya.

**“
Penggunaan teknologi moden seperti automasi dan dron dalam pertanian semakin meluas
Norida**